

Titip cinta pada pendidikan

Raja Ali Haji terus dikagumi, pengaruh masyarakat empayar Johor - Riau



■ RAJA ALI HAJI

menjadi utusan Riau untuk bertemu dengan Gabenor Jeneral Baron Van Der Capellen dan Raja Ali Haji mendalami ilmu pengetahuan Islam dan mempelajari ilmu falak dari ulama yang sama iaitu Saiyid Abdur Rahman al-Mashri.

Raja Ali Haji turut mendapat pengalaman dan ilmu pengetahuan daripada sarjana Belanda seperti T Roode dan Van Der Waal yang akhirnya menjadi sahabat beliau dan Bahasa Arab turut tidak ketinggalan dipelajari.

Kesedaran pendidikan

SYAREENA ALI

Menyemai rasa cinta pada pendidikan bukan perkara biasa pada era empayar Johor-Riau. Namun, bagi anak kelahiran Pulau Penyangat, Kepulauan Riau ini, rasa cintanya terhadap pendidikan nyata memberi impak cukup besar pada bahasa Melayu. Ia seterusnya memupuk kesedaran pendidikan dalam institusi pendidikan di negeri ini.

Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad, berjaya membuktikan kemunculannya mempengaruhi masyarakat empayar Johor-Riau untuk turut serta mencintai bidang berkenaan.

Tokoh pendidikan terulung di Riau terkenal sebagai ahli agama, ahli sejarah, ahli bahasa serta pujangga Melayu.

Minat dan kesedaran terhadap pendidikan amat ketara apabila beliau yang masih kecil sering dibawa bapanya ke Betawi. Ketika itu bapanya, Raja Haji Ahmad,

Kesedaran pendidikan empayar Johor-Riau dapat dilihat dengan jelas ketika Riau menjadi pusat pemerintahan kerajaan Johor. Semasa Makam Tauhid menjadi pusat pentadbiran kerajaan Johor pada abad ke-17, Johor lebih awal dikenali sebagai pusat persuratan Melayu.

Pada zaman berkenaan, karya puisi ternyata menjadi faktor dalam memantapkan kesedaran pendidikan.

Fuusi khususnya pantun, gurindam dan syair mengalami perkembangan pesat dalam kesusasteraan Melayu. Terdapat beberapa kelompok puisi Melayu, antaranya puisi tradisi lisan yang telah berkembang sebelum kedatangan Islam lagi contohnya, pantun, gurindam, seloka dan mertera. Puisi kelompok ini terus berkembang selepas kedatangan Islam termasuklah pada zaman empayar Johor-Riau.

Kesedaran untuk mendidik



■ Suluh Kalbu Melayu

lebih jelas lagi dalam puisi gurindam yang dihasilkan Raja Ali Haji. Beliau yang berpendidikan Arab mengekalkan Bahasa Melayu klasik tetapi mengambil banyak pengaruh perkataan dan struktur Arab.

Tidak berhenti, terus berkembang

Kesedaran terhadap pendidikan tidak pernah berhenti dari zaman empayar Johor-Riau hingga ke hari ini. Malah kedatangan penjajah Belanda dan British lebih kepada menumpukan penguasaan ke atas politik, pentadbiran dan ekonomi alam Melayu termasuk wilayah empayar Johor-Riau yang dikuasai mereka.

Bidang pendidikan seperti bahasa, sastra dan kesenian Melayu terus menerus berkembang, malah sesetengah penjajah ini menjadi peneaga dan pengkaji ilmu-ilmu yang dihasilkan orang Melayu. Jelaslah di sini, kesedaran pendidikan dalam kalangan orang Melayu tidak terganggu.


Selepas Datuk Temenggong Daing Ibrahim 111 menggantikan ayahanda Baginda pada tahun 1825 di Singapura, beberapa sekolah dibuka di Telok Belanga. Antaranya Sekolah Melayu Telok Belanga (1846) dan kemudiannya Maktab Melayu yang berfungsi sebagai Sekolah Menengah dan Maktab Perguruan.

Apabila Tanjung Puteri dibuka beberapa sekolah ditubuhkan di Johor Bahru seperti Johor Free School (1864) dan Sekolah Melayu di Johor Bahru (1878). Selepas tahun 1880 beberapa sekolah Melayu terus dibuka di Johor Bahru seperti sekolah Melayu Saujana, Sekolah Melayu Kandang Ayam, Sekolah Bukit Zahrah dan Sekolah Melayu Seri Kopi.

Selepas tahun 1883 wujud beberapa sekolah lagi di negeri



■ Gurindam Dua Belas



■ Antara hasil penulisan.



■ Tempat lahir Raja Ali Haji, Pulau Penyangat.



■ Karya Gurindam Dua Belas yang dibukukan.

Johor seperti Sekolah Melayu Johor Bahru, Sekolah Melayu Pengerang, Sekolah Melayu Padang, Sekolah Melayu Tanjung Surat, Sekolah Inggres Johor Bahru, Sekolah Pertanian Johor dan Johor Technical School.

Konsep dunia tanpa sempadan

Kesedaran Pendidikan di Johor terus berkembang hingga ke hari ini sehingga munculnya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Institut Perguruan Temenggung Ibrahim,

Sekolah Tun Fatimah, Maktab Sultan Abu Bakar dan lain-lain lagi. Kita tidak boleh meniadakan bahawa kesedaran pendidikan ini berlaku kerana negeri Johor hari ini terletak di kawasan dunia pendidikan yang unggul iaitu empayar Johor-Riau, ditambah pula kedudukannya dalam lingkungan kemajuan pendidikan British di Singapura dan Melaka.

Kesedaran dalam pendidikan di Johor dan Riau mutakhir ini berdepan dengan konsep dunia tanpa sempadan. Kita dapat lihat tiada pemisah antara institusi pendidikan di Johor, Malaysia dan Riau, Indonesia.

Hubungan yang erat terus

terjalin, lawatan pertukaran maklumat dan perkongsian ilmu terus subur. Keadaan ini ditambah lagi dengan kesedaran institusi pendidikan di Riau seperti Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH) Batam, Universitas Internasional Batam, Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (STISIPOL) Raja Haji (Tanjungpinang), Universitas Riau Kepulauan (Batam), dan banyak lagi.

Hubungan ini akan berterusan kerana pendidikan itu sendiri tidak mengenal sempadan negara.

Sumber: Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau 2010 dan Haji Nor Salleh Ngatimin.



■ Karya Raja Ali Haji.




■ Maktab Sultan Abu Bakar.



■ Makam Raja Ali Haji.



■ Ruang bacaan di UTM, Skudai.



■ Perpustakaan UTHM terbesar di Asia Tenggara.



■ Makam Tauhid.